

BAB DUA

BAB DUA

PENGAJARAN BAHASA ARAB DI UiTM

2.0 Pendahuluan

Bahasa Arab telah bertapak di rantau ini sejak berkurun yang lalu seiring dengan sejarah kemasukan Islam di zaman pemerintahan Melayu di Nusantara pada abad ke 13 M. Tanah Melayu pada masa itu terkenal sebagai salah satu pusat perdagangan kerana keadaan giografinya yang strategi dan juga kaya dengan sumber alam seperti rempah-ratus. Bahasa Arab dibawa masuk oleh pedagang-pedagang Arab yang datang bertujuan untuk berdagang serta menyebarkan agama Islam di Tanah Melayu.

“Bahasa Arab telah masuk ke Semenanjung Tanah Melayu melalui pedagang-pedagang Arab”. (Al-Syed Ya’kub Bakr. t.t) Proses pengajaran bahasa Arab di negara ini bermula di masjid, surau dan madrasah. Pada peringkat awalnya, pengajaran bahasa Arab mula diajar melalui kelas al-Qur'an dan al-Hadith dengan menggunakan pendekatan tradisional, iaitu melalui kaedah nahu dan terjemahan.

Setelah Islam bertapak di Tanah Melayu, masyarakat Melayu yang sebelumnya beragama Hindu, bukan sahaja menerima agama Islam, malah telah mengambil banyak perkataan Arab bagi menambah dan memperkayakan lagi perbendaharaan kata Melayu. Selain dari itu, seluruh abjad Arab juga telah diterima sebagai sistem tulisan rasmi bagi masyarakat Melayu yang dikenali sebagai tulisan Jawi. Seiring dengan perkembangan Islam, bahasa Arab yang mula diajar di masjid dan sekolah pondok telah berkembang dengan pesatnya. Sehingga sekarang kerajaan telah mendirikan banyak sekolah-sekolah agama yang mewajibkan pelajaran bahasa Arab, manakala di sekolah berasrama penuh pula bahasa Arab diperkenalkan sebagai matapelajaran elektif. Di institusi-institusi

pengajian tinggi bahasa Arab telah diperkenalkan sama ada sebagai matapelajaran wajib mahupun sebagai matapelajaran pilihan.

2.1 **Latarbelakang Bahasa Arab di UiTM.**

2.1.1 **Pengenalan.**

Institut teknologi Mara (ITM) mula tubuhkan dan dikenali sebagai “The Rural and Industrial Development Authority” (RIDA) “Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan” pada tahun 1956. Matlamat penubuhannya ialah memberi latihan dan ilmu pengetahuan dalam bidang perdagangan dan perindustrian kepada anak bumiputera di luar bandar.

Selepas tahun 1965, bertukar kepada Maktab MARA (Majlis Amanah Rakyat), dengan menumpukan pengajian secara perniagaan dan iktisas. Kemudian ditukar kepada Institut Teknologi Mara (ITM) pada Oktober 1967 dan pada tahun 1999, ITM telah diumumkan sebagai sebuah universiti dengan nama Universiti Teknologi Mara (UiTM). UiTM pada hari ini mempunyai kampus induk di Shah Alam dan juga kampus cawangan di setiap negeri di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

2.1.2 **Pusat Bahasa UiTM**

Pusat Bahasa ditubuhkan pada akhir tahun 1972 dan mula memberikan perkhidmatan di dalam pengajaran bahasa kepada kursus-kursus di ITM pada tahun 1973. Pusat Bahasa juga bertindak sebagai gedung simpanan dan pusat sumber bagi kemudahan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, Pusat Bahasa menyediakan khidmat dengan menawarkan kursus bahasa-bahasa ketiga kepada pelajar-pelajar UiTM dan juga pelanggan-pelanggan dari

luar samada dari jabatan-jabatan ataupun individu. Bahasa-bahasa yang ditawarkan seperti bahasa Arab, mandarin, Jepun, Korea, Perancis dan Jerman.

2.1.2.1 Objektif Pusat Bahasa

Objektif Pusat Bahasa adalah untuk melengkapkan geraduan-geraduan UiTM dengan pengetahuan pelbagai bahasa di samping kemahiran yang mereka pelajari dalam kursus dan bidang masing-masing. Ini amat sesuai dengan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan juga sebagai negara yang menjadi tumpuan para pelancong asing. Di antara bahasa-bahasa yang diperkenalkan sebagai bahasa asing di Pusat Bahasa ialah bahasa Arab, Manderin, Jepun, Perancis, Jerman, Korea dan Tamil.

Selain dari pelajar-pelajar sepenuh masa yang diwajibkan mengambil kursus bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan kursus bahasa asing/ketiga sebagai elektif, Pusat Bahasa juga menawarkan kursus bahasa Inggeris dan bahasa asing kepada pelajar-pelajar dewasa (Kursus Kemahiran Bahasa).

2.1.3 Latar Belakang Unit Bahasa Arab.

Unit Bahasa Arab ialah salah satu dari 7 unit Bahasa Asia dan Eropah yang terdapat di UiTM. Unit ini menyediakan kursus bahasa Arab untuk semua pelajar UiTM, kakitangan UiTM dan juga dibuka untuk orang awam. (Kursus Kemahiran Bahasa).

Unit Bahasa Arab ini mula ditubuhkan di akhir tahun 1960-an dan hanya ditawarkan kepada pelajar yang mengikuti kursus Diploma Pentadbiran Awam (DPA) sebagai mata pelajaran wajib dan diajar oleh pensyarah sambilan. seorang pensyarah tetap telah dilantik pada awal tujuh puluhan. Pada akhir tahun tujuh puluhan, bilangan pensyarah bahasa Arab mula bertambah dan bermulalah era perkembangan bahasa Arab di UiTM dengan pesatnya. Pada tahun 1985, bahasa Arab mula diperkenalkan di semua kampus-

kampus cawangan di seluruh Malaysia dan memperkenalkan satu pendekatan baru iaitu pendekatan komunikasi dengan menggunakan buku teks sendiri iaitu buku *al-'Arabiyyat Li al-Nasyi 'in* (العربية للناشئين) yang dibawa masuk daripada Universiti Malik Soud, Arab Saudi.

2.1.3.1 Objektif Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab.

- a) Memberi kesedaran kepada pelajar khususnya pelajar muslim tentang kepentingan bahasa Arab di dalam kehidupan seharian di mana bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa yang paling penting malah lebih penting dari bahasa Ibunda. (Abdul Hadi Mohd Saleh. 1998). Ini terbukti bila kita memandang dari aspek agama Islam itu sendiri khususnya ibadat seperti solat, do'a dhikir dan al-Qur'an.

Mengikut Haron Din, “ *malangnya ramai orang belajar al-Quran setakat membaca sahaja. Tetapi tidak memahami isi kandungannya*”(Haron Din. 1988)

Ismail Ibrahim pula mengatakan:

“*Matlamat pengajaran bahasa Arab ialah untuk memahami al-Quran dan hadis, memahami sumber asal Islam, memahami dan mengkaji khazanah ilmu Islam yang asli.*” (Ismail Ibrahim. t.t)

Apabila seseorang itu telah dapat menguasai bahasa Arab, penghayatan yang mendalam akan lebih dirasai semasa mengerjakan ibadat-ibadat, di samping dapat mengkaji sumber-sumber ilmu yang amat luas dari khazanah-khazanah terdahulu yang ditulis dalam bahasa Arab.

- b) Menawarkan peluang kepada pelajar yang akan melangkah ke alam pekerjaan profesional di dalam pelbagai bidang untuk memudahkan mereka berhubung dengan

para usahawan dan juga pelancong Arab samada di dalam maupun di luar negara terutama di negara yang menggunakan bahasa Arab. Walaupun diketahui bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa perantaraan yang digunakan oleh hampir setiap bangsa di seluruh dunia, namun bahasa Arab juga merupakan salah satu di antara bahasa yang paling penting dan telah diiktiraf di bangsa-bangsa bersatu. Satu perkara lagi yang harus disedari bahawa bangsa Arab merupakan satu bangsa yang amat bermegah dengan bahasa mereka sendiri dan sentiasa mendahulukan bahasa mereka bila berurusan atau berniaga. Fenomena ini masih wujud di kalangan bangsa Arab yang tidak pernah keluar dari negara mereka.

2.2 **Peringkat Bahasa Arab Yang Diajar di UiTM**

Seperti di institusi-institusi pengajian yang lain, UiTM juga menawarkan kursus bahasa Arab dalam beberapa peringkat, iaitu dari peringkat asas hingga peringkat lanjutan. Berikut, disenaraikan peringkat-peringkat kursus BA di UiTM (Disediakan oleh Unit Bahasa Arab, Pusat Bahasa, UiTM)

2.2.1 **Peringkat Permulaan (asas)**

Peringkat permulaan dalam pengajaran bahasa Arab merupakan peringkat yang paling penting kerana ia menentukan samada pelajar berminat ataupun tidak terhadap bahasa Arab. Dalam kaedah komunikasi yang diamalkan di UiTM, di peringkat ini, pelajar-pelajar akan diberi pengenalan tentang abjad-abjad Arab samada cara menyebut dan menulisnya dengan betul. Peringkat ini merupakan peringkat pengenalan dan juga peringkat asas di mana pelajar dianggap tidak mempunyai asas bahasa Arab sama sekali walaupun terdapat juga di dalam sesebuah kelas itu pelajar yang sudah mempunyai asas BA semasa di sekolah menengah. Ini adalah kerana pendekatan yang digunakan di UiTM adalah berbeza dengan apa yang telah dilalui di sekolah menengah.

Seterusnya pelajar dibiasakan dengan kemahiran mendengar sebutan kalimah-kalimah dengan tepat dan terang dengan cara berulang-ulang sebelum dilatih pula cara menyebutnya dengan betul mengikut intonasi yang sepatutnya. Ini adalah kerana setiap panjang pendek sebutan yang berlainan di dalam sesuatu kosa kata bahasa Arab akan menghasilkan makna yang berbeza contohnya: (طَرِيقٌ) *Tariq* dan *Tariq*, di mana *Tariq* memberi makna “jalan” manakala *Tariq* pula bermakna nama seorang lelaki/pengetuk atau orang yang mengetuk sesuatu. Latihan mendengar ini biasanya menggunakan alat audio video yang disediakan dalam makmal bahasa.

Di peringkat ini pelajar akan diperkenalkan dengan kosa kata-kosa kata yang lebih dekat dengan kehidupan seharian seperti kosa kata yang berkaitan dengan persekitaran kediaman dan persekitaran pembelajaran. Kaedah yang digunakan ialah kaedah komunikasi yang membawa pelajar terus berkomunikasi menggunakan bahasa Arab dengan bantuan gambar-gambar, objek, lakonan, bahasa isyarat dan sebagainya tanpa mengutamakan bahasa ibunda sebagai bahasa perantaraan.

Kosa kata yang diajar di peringkat ini lebih mengutamakan Kata Nama diikuti Kata Kerja dan Partikel. Ini adalah kerana pelajar perlu mengenali, mengingati serta dapat menyebut dengan baik terlebih dahulu setiap Kata Nama (اسمٌ) samada dalam bentuk bergambar ataupun nama khas untuk memudahkan mereka membentuk ayat-ayat dan selepas itu diikuti dengan Kata Kerja (فعلٌ) seterusnya Partikel (حُرْفٌ).

Peringkat ini terbahagi kepada dua kod:

- i) BAB 101 – 102. Kod ini ditawarkan kepada pelajar di peringkat diploma. Pelajar yang mengambil kod BAB 101 mesti melengkapannya sehingga kod

A511140964

BAB 102. Kedua-dua kod ini terkandung dalam teks yang sama dan dibahagi kepada dua bahagian.

- ii) BAB 401 – kod ini di tawarkan kepada pelajar sarjana muda.

Di antara kedua-dua kod ini mempunyai perbezaan walaupun di tahap yang sama.

Kedua-duanya menggunakan teks yang berbeza seperti berikut:

1. ARB 101-102 - Kod ini menggunakan teks (العَرَبِيَّةُ لِلنَّاسِينَ) *Al-'Arabiyyat Li al-nnasyi'in* yang diterbitkan oleh Universiti Malik Soud, Arab Saudi. Teks ini telah diperkenalkan dan digunakan di UiTM sejak dari tahun 1985 dan masih digunakan sebagai teks untuk pelajar di peringkat diploma dan pelajar yang mengambil Kursus Kemahiran Bahasa (KKB)
2. BAB 401 - Kod ini menggunakan teks (العَرَبِيَّةُ الْأَنْصَالِيَّةُ) *al-'Arabiyyat al-Ittisaliyat* yang ditulis dan diolah oleh pensyarah-pensyarah UiTM dengan menggunakan pendekatan komunikasi. Teks ini disediakan mengikut keadaan setempat dan semasa supaya pelajar-pelajar lebih senang memahami isi kandungannya dan ianya lebih menarik kerana ia menceritakan keadaan dan budaya setempat. Kedua-dua kandungan teks di peringkat asas ini telah dibekalkan sebanyak lebih kurang seribu kosa kata merangkumi Kata Nama, Kata kerja dan Partikel. Ini sangat sesuai dengan pendapat ahli bahasa bahawa sepatutnya pengajaran di peringkat asas memperkenalkan sebanyak seribu hingga seribu lima ratus kosa kata (Abd. Rahman Musa Abkar 1991). Sekiranya pelajar betul-betul dapat menguasai jumlah kosa kata yang dibekalkan, semestinya mereka sudah mampu untuk bertutur dan menguasai bahasa Arab di tahap asas.

2.2.1.1 Objektif Pengajaran Peringkat Asas

Pada akhir kursus ini beberapa objektif dapat dikenal pasti iaitu:

- i) Pelajar boleh berkomunikasi dan memahami perbualan mudah.
- ii) Pelajar dapat menguasai dan menggunakan tatabahasa serta perbendaharaan kata yang mudah.
- iii) Pelajar mampu membaca dan memahami ayat-ayat mudah.
- iv) Pelajar berkebolehan untuk menulis ayat, rencana dan perbualan dengan menggunakan ayat-ayat mudah.

2.2.2 Peringkat Pertengahan.

Peringkat ini merupakan sasaran kajian. Ia adalah peringkat lanjutan daripada peringkat permulaan. Pada peringkat ini, pelajar dibimbing untuk meneruskan kemahiran bahasa berdasarkan peringkat asas yang telah dipelajari. Mereka juga diajar struktur kalimah dan ayat dalam pelbagai keadaan. Pelajar biasanya dilatih untuk berkomunikasi secara berpasangan atau berkumpulan menggunakan bahasa sasaran. Selain dari tajuk-tajuk yang telah ditetapkan oleh pensyarah, pelajar juga diminta menyediakan tajuk perbualan secara bebas dengan bantuan pensyarah.

Peringkat ini juga terbahagi kepada dua kod:

- i) ARB 103 – ARB 104 Kod ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang telah melepassi atau lulus peringkat permulaan. Teks yang digunakan ialah sambungan dari teks (*الْعَرَبِيَّةُ لِلنَّاسِيْنَ*) *Al-'Arabiyyat Li al-Nasyi'in*.
- ii) BAB 451 Kod ini ialah lanjutan dari BAB 401.

Di peringkat pertengahan ini, pelajar akan diperkenalkan dengan jumlah kosa kata sebanyak lebih kurang dua ribu patah perkataan.

2.2.2.1 Objektif Pengajaran Peringkat Pertengahan

Pada akhir pengajian kursus ini beberapa objektif dapat dikenal pasti iaitu:

- i) pelajar dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan memahami perbualan yang sederhana.
- ii) Pelajar dapat menguasai penggunaan tatabahasa dan kosa kata yang sederhana.
- iii) Pelajar mampu membaca dan memahami ayat-ayat yang sederhana.
- iv) Pelajar berkebolehan untuk menulis ayat, rencana dan perbualan dengan menggunakan ayat-ayat sederhana.

2.2.3 Peringkat Lanjutan

Peringkat ini merupakan lanjutan dari peringkat pertengahan. Peringkat ini lebih menekankan aspek karangan dan cara pengolahan kosa kata di samping aspek nahu dan saraf. Kosa kata yang baru juga lebih banyak diperkenalkan di samping cara untuk mempelbagaikan lagi penggunaan kosa kata-kosa kata yang telah diajar sebelumnya.

Pelajar di peringkat ini perlu menguasai sekurang-kurangnya dua ribu lima ratus kosa kata BA.

Peringkat ini juga terbahagi kepada dua kod:

- i) ARB 105 – Kod ini ditawarkan secara elektif kepada pelajar yang telah melepassi peringkat pertengahan di peringkat diploma.

- ii) BAB 501 – Kod ini ialah lanjutan kepada kod BAB 451 (peringkat pertengahan). Ianya ditawarkan kepada pelajar sarjana muda yang telah melepas peringkat pertengahan.

2.2.3.1 Objektif Pengajaran peringkat lanjutan.

Pada akhir pengajian kursus ini berberapa objektif dapat dikenal pasti iaitu:

- i) Pelajar dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan memahami perbualan yang lebih sukar.
- ii) Pelajar dapat menguasai penggunaan tatabahasa serta kosa kata yang lebih sukar.
- iii) Pelajar dapat menguasai ungkapan harian yang lebih sukar dengan lebih yakin.
- iv) Pelajar mampu membaca dan memahami ayat-ayat yang lebih sukar.
- v) Pelajar berkebolehan untuk menulis ayat, rencana, surat dan perbualan dengan menggunakan ayat-ayat yang lebih sukar.

2.3 Teori Pengajaran

Bagi Taib Osman, pensyarah ialah:

“Guru, pembimbing, dan sarjana ilmunya sekaligus. Jikalau dia bukan sarjana, bagaimana dia akan menjadi guru dan pembimbing yang baik. Jadi dari segi pengajaran juga, dia mestilah menunjukkan dirinya sebagai seorang sarjana dulu”

(Mohd Taib Osman. 1987)

Selain dari kelulusan dan kelayakan, pengalaman mengajar dalam bahasa Arab merupakan satu aset yang amat berguna kepada tenaga pengajar dalam bidang

pengajaran. Kursus-kursus dan seminar tentang pengajaran bahasa juga perlu diikuti oleh mereka untuk meningkatkan lagi prestasi di dalam kerjaya yang amat mencabar ini.

‘Ali al-Qasimi mensyaratkan guru hendaklah mampu menggunakan bahasa Arab samada bertutur atau menulis, dapat memahami dan dapat menerangkan, tutur katanya dapat dicontohi oleh pelajar. (‘Ali Al-Qasimi. 1941.)

Penulis berpendapat bahawa pengajaran merupakan aspek terpenting di dalam menentukan kejayaan atau kegagalan penguasaan sesuatu bahasa terutama BA. Ini termasuklah sistem, metod dan juga bahan-bahan sampingan yang digunakan.

Seorang sarjana bahasa Arab dari belanda yang mengkaji tentang pengajaran kosa kata bahasa Arab iaitu Mark Van Mol telah memberi pendapat tentang pengajaran bahasa Arab dengan mengatakan:

“In order to develop a strategy for the teaching of Modern Standard Arabic (MSA), in the coming millennium, and to design an efficient curriculum for the future, we have to obtain a thorough insight into the nature and the current use of MSA; secondly we have to look for new methods of teaching”.(Mark Van Mol. tt.)

“Dalam memenuhi tuntutan untuk membangunkan strategi dalam pengajaran Bahasa Arab Standard bagi millennium yang akan datang, dan merangka satu kurikulum baru yang lebih berwawasan untuk masa depan, kita mesti benar-benar faham tentang dasar aliran dalam (BAS). Kedua, kita mesti mencari satu metod yang baru di dalam pengajaran.”

Mengikut Dr. Ahmad Syalaby (1980), belajar bahasa Arab dengan kaedah nahu mengambil masa yang lama. Apabila tamat pengajian, pelajar tidak mendapat banyak manfa`at dari apa yang dipelajari

2.4 Kaedah Pengajaran di UiTM

Di peringkat awal mata pelajaran BA diperkenalkan pada akhir tahun 1960-an, kaedah yang digunakan ialah kaedah tradisional sehingga pada tahun 1985 pendekatan komunikasi mula diperkenalkan dan diamalkan sehingga sekarang. Proses pengajaran dijalankan dalam bentuk kelas/tutorial, bukannya kuliah. Pendekatan ini adalah menarik, mudah dan ringkas. Pensyarah akan merasakan pelajar-pelajar lebih rapat dengan mereka dan sentiasa dapat berkomunikasi dalam jarak yang hampir.

Hammadah Ibrahim (1987) mengatakan, kaedah komunikasi ialah:

“Mempelajari bahasa asing melalui bahasa asing tanpa menggunakan bahasa perantaraan samada bahasa ibunda atau bahasa lain yang dikuasai oleh pelajar.”

Asmah Hj Omar (1986:61) pula berpendapat bahawa penguasaan bahasa untuk tujuan berkomunikasi adalah merupakan penguasaan pada taraf yang paling tinggi.

Pendekatan ini adalah yang paling sesuai digunakan untuk pelajar-pelajar di UiTM yang mempunyai masa yang sangat terhad untuk mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa ketiga atau bahasa asing, berbanding dengan kaedah terjemahan dan nahu yang diajar di kebanyakan sekolah menengah Arab dan juga di pondok-pondok di mana kaedah dan pendekatan ini memerlukan masa yang lebih lama.

2.5 Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar merupakan jentera penggerak yang paling penting di dalam proses pengajaran. Selain dari kaedah pengajaran yang berkesan, kepakaran tenaga pengajar memainkan peranan yang sangat penting di dalam keberkesanan sesuatu pengajaran. Pensyarah juga mesti mempunyai metod yang menarik di samping ilmu serta pengalaman dalam pengajaran bahasa.

Mahamud ‘Abdul (1994) mengatakan, di antara faktor utama yang menentukan kejayaan atau kegagalan pengajaran bahasa Arab ialah kualiti guru atau pengajar yang terlibat secara langsung dalam kerjaya ini.

Unit bahasa Arab UiTM hari ini menggunakan tenaga pengajar yang semakin berkelayakan dalam bahasa Arab dan berpengalaman dalam bidang pengajaran. Bilangan pengajar yang telah mempunyai ijazah sarjana dalam bidang yang diajar telah bertambah, ditambah lagi dengan kursus-kursus kerap dianjurkan oleh UiTM untuk meningkatkan lagi tahap keberkesanan pengajaran.

Setakat ini, UiTM mempunyai dua belas kampus yang menawarkan kursus bahasa Arab. Berikut ialah senarai kampus UiTM yang mempunyai mata pelajaran BA serta bilangan tenaga pengajar yang terlibat.

Jadual 2.3

Senarai Kampus UiTM dan Bilangan Pensyarah

Bil.	Kampus	Bil. Pensyarah
1	Shah Alam	9
2	Melaka (Alor Gajah)	2
3	Johor (Segamat)	3
4	Pahang (Kuantan)	2
5	Pahang (Jengka)	2
6	Terengganu (Dungun)	4
7	Kelantan (Machang)	1
8	Perlis (Arau)	4
9	Kedah (Merbuk)	2

10	Perak (Iskandar)	1
11	Sabah (Kota Kinabalu)	2
12	Sarawak (Kuching)	1
	Jumlah	33

Kebanyakan tenaga pengajar BA di UiTM pada hari ini adalah bekelulusan ijazah pertama dari institusi pengajian di Timur Tengah seperti Mesir, Jordan Maghribi dan Arab Saudi dan ada juga yang berlulusan dari dalam negeri seperti Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa.

2.5.1 **Pengalaman Mengajar**

Dari segi pengalaman mengajar, enam puluh peratus tenaga pengajar di UiTM seluruh Malaysia telah mempunyai pengalaman mengajar bahasa Arab lebih dari lima tahun. (maklumat dari Penyelaras Unit BA di UiTM Shah Alam).

Manakala empat puluh peratus lagi adalah pengajar yang baru berkhidmat sebagai pensyarah dan masih belum mempunyai pengalaman yang banyak. Walaupun dari segi ilmu, mereka mempunyai kelulusan dari luar negeri (Timur Tengah) tapi tidak semestinya mereka dapat menguasai sepenuhnya metod pengajaran bahasa Arab komunikasi kepada pelajar-pelajar yang majoritinya masih tidak mempunyai asas di peringkat sekolah lebih-lebih lagi bahasa Arab hanyalah sebagai bahasa asing (bahasa ketiga) di UiTM. Pensyarah-pensyarah yang masih baru, memerlukan tunjuk ajar dari pensyarah yang sudah berpengalaman di samping mengikuti kursus-kursus dan bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh majikan untuk menambahkan lagi pengetahuan serta pengalaman

2.6 Prestasi Bahasa Arab di UiTM

2.6.1 Keputusan Peperiksaan

Hasil dari wawancara dengan pensyarah penyelaras Unit Bahasa Arab di UiTM Shah Alam, penulis mendapati keputusan peperiksaan pelajar Sarjana Muda yang mengambil kursus bahasa Arab peringkat pertengahan semester November 2001- April 2002 adalah memuaskan. (sila lihat lampiran). Statistik ini hanya dikira secara umum iaitu peperiksaan bertulis. Manakala dari segi penulisan karangan dan pertuturan pula, keputusan yang diterima masih lagi di tahap yang lemah dan memerlukan suatu pendekatan yang lebih berkesan. Ini jelas apabila dalam ujian lisan dan membuat karangan, keputusan yang diterima masih di tahap yang lemah tidak sebagaimana peperiksaan bertulis.

2.6.2 Sambutan Kepada Pembelajaran Bahasa Arab

Sejak kursus bahasa Arab komunikasi diperkenalkan di UiTM, sambutan dari pelajar samada pelajar sepenuh masa mahupun pelajar dewasa dari luar adalah memuaskan. Walau bagaimana pun, pemilihan pelajar terhadap BA juga bergantung kepada kualiti pengajaran yang ditunjukkan oleh tenaga pengajar. Kebiasaannya, pensyarah yang mempunyai metod pengajaran yang menarik akan mendapat tempat di hati pelajar. Di antara faktor lain yang menyebabkan permintaan terhadap BA ialah kesedaran di kalangan pelajar itu sendiri terhadap kepentingan menguasai BA untuk meningkatkan kualiti sebagai seorang muslim.

2.6.3 Prestasi Pembelajaran

Pembelajaran merupakan proses pemerolehan ilmu sama ada berbentuk teori mahupun praktikal dan proses ini dilakukan secara formal atau tidak formal.

Hamid Fahmy Zarkasyi memetik Imam Ghazali berkata:

“Pelajar bermaksud seseorang yang menyertai sesuatu institusi untuk belajar sebarang ilmu”(Hamid Fahmy Zarkasyi 1990).

Proses pembelajaran bahasa Arab di UiTM berlaku di dalam bilik darjah dan juga di makmal bahasa. Di kelas, pensyarah akan mengajar lebih kurang 30 orang pelajar. Pendekatan yang digunakan ialah komunikasi iaitu pelajar-pelajar diajar cara berkomunikasi dalam bahasa Arab dari awal hingga akhir sesi pembelajaran. Setiap permintaan atau soalan yang hendak diujar mesti dalam bahasa sasaran seperti minta izin untuk keluar, kemusykilan dan sebagainya. Pensyarah akan memberi tunjuk ajar dengan menggunakan bermacam-macam cara seperti membuat lakonan, gambar, bahasa isyarat dan lain-lain. Komunikasi dalam bahasa Arab sentiasa diutamakan semasa sesi pembelajaran untuk membiasakan pelajar dengan pertuturan secara spontan. Di dalam makmal pula, pelajar akan diajar menggunakan alat audio video dengan menggunakan “ear phone” untuk membantu pelajar dalam kemahiran mendengar dan menyebut.

Semenjak bahasa Arab kemunikasi diperkenalkan di UiTM, sambutan yang diberi oleh pelajar amat membanggakan samada pelajar sepenuh masa mahupun pelajar dewasa yang mengikuti Kursus Kemahiran Bahasa. Walaupun bahasa Arab hanya merupakan salah satu bahasa asing atau bahasa ketiga yang dikategorikan sebagai matapelajaran elektif di UiTM, tetapi kesedaran tentang kepentingan bahasa Arab dalam kehidupan seharian di kalangan org melayu sedikit sebanyak telah memberi minat kepada pelajar untuk memilih bahasa Arab. Persaingan dengan bahasa-bahasa ketiga yang lain seperti Mandarin, Jepun, Korea, Perancis dan lain-lain tidak menjadi masalah kepada jumlah sambutan pelajar terhadap bahasa Al-Quran ini. Sambutan ini juga terletak di bahu para pengajar untuk memperromosikan BA sebagai bahasa pilihan yang terbaik serta membuktikan keberkesanan metod pengajaran mereka kepada pelajar.

Namun begitu, setakat ini masih terdapat kelemahan-kelemahan dalam proses pembelajaran bahasa Arab di UiTM yang perlu dikaji dengan teliti seterusnya mencari suatu pendekatan dan kaedah yang lebih berkesan. Kelemahan ini juga berkait rapat dengan kaedah pengajaran yang masih tidak menepati objektif yang sebenar. Kelemahan-kelemahan yang wujud ini perlu dikaji selidik punca-punca nya samada dalam pembelajaran mahupun pengajaran.

Dari segi prestasi pelajar, sepanjang pengalaman pengkaji mengajar di UiTM, tahap pencapaian dan penguasaan secara kesuluruhannya masih di tahap sederhana. Jika diukur dari sudut pencapaian keputusan peperiksaan, secara kesuluruhannya baik dan memuaskan tapi bila kita nilai dari sudut pertuturan, tahap yang dicapai setakat ini masih lemah. Ini disebabkan beberapa faktor luaran seperti persekitaran, masa yg sangat terhad, kekurangan bahan bantu mengajar dan teks yang masih belum betul-betul sesuai.

Manakala faktor dalaman pula seperti sikap pelajar itu sendiri yang kurang tumpuan terhadap bahasa Arab, tiada asas bahasa Arab, takut untuk bertanya dan mencuba, kurang minat dan sifat bahasa Arab itu sendiri yang masih asing di kalangan masyarakat kita.

2.6.4 Prestasi Pengajaran

Secara umumnya, prestasi pengajaran dan pembelajaran BA di UiTM masih di bawah tahap memuaskan walaupun menggunakan pendekatan komunikasi yang dianggap menarik, ringkas dan sesuai dengan peruntukan masa yang sangat terhad. Ini adalah kerana masih terdapat beberapa permasalahan luaran dan dalaman di samping metod yang digunakan setiap pengajar adalah berbeza dan ini memerlukan lebih banyak kursus atau seminar pengajaran supaya wujud keselarasan.

2.7 Masalah-Masalah Dalam Pengajaran

Jika dibandingkan dengan pengajaran bahasa Melayu, tidak dinafikan bahasa Arab bukanlah satu bahasa yang senang untuk diajar. Ini ditambah lagi dengan ciri-ciri bahasa Arab itu sendiri yang unik dan kompleks.

Asmah Omar (1986) mengatakan bahawa bahasa Arab mempunyai sistem feminin, maskulin dan sistem jumlah. Perbezaan jumlah dalam bahasa Arab dapat dilihat dalam pembentukan kata, baik kata nama, kata kerja atau kata sifat serta pecahannya yang jarang terdapat di dalam bahasa lain di dunia ini. Dalam bahasa berkenaan ada 3 subsistem bagi jumlah, iaitu mufrad (tunggal) duaan dan jama'. (Asmah Hj Omar. 1986.)

Pengajaran bahasa Arab di UiTM masih mempunyai masalah-masalah yang perlu dikaji dan dikenal pasti punca-puncanya. Masalah-masalah ini merangkumi masalah luaran dan dalaman. Berikut ialah masalah-masalah yang dihadapi dalam pengajaran bahasa Arab di UiTM:-

2.7.1 Masalah Luaran

2.7.1.1 Status Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing

Tidak dinafikan bahawa permintaan terhadap BA di UiTM sangat menggalakkan berbanding dengan bahasa asing yang lain. Tapi ini tidak bermakna bahawa pemilihan mereka ini atas dasar kesedaran tentang kepentingan BA atau minat yang mendalam sebagaimana anggapan mereka terhadap bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris. Selagi status BA masih di tahap bahasa ketiga atau bahasa asing selagi itulah kepentingannya tidak begitu dirasakan. Ini merupakan salah satu faktor luaran yang boleh menjelaskan

objektif pengajaran dan pembelajaran, iaitu melahirkan graduan yang mampu berbahasa Arab.

Kebanyakan pelajar hanya menganggap BA sama tarafnya dengan dengan bahasa asing yang lain dari aspek kepentingannya kecuali hanya sebilangan kecil sahaja pelajar yang betul-betul menganggapnya penting dan menyeronokkan.

2.7.1.2 Jumlah Masa Pembelajaran Dalam Seminggu.

Masalah peruntukan masa merupakan salah satu masalah yang sangat serius dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa kedua atau ketiga. Masa yang tidak mencukupi tidak akan memberi kesan yang memuaskan samada pengajar maupun pelajar. Bahasa Arab yang sememangnya dianggap susah dan asing bagi pelajar-pelajar di negara kita memerlukan peruntukan masa yang mencukupi untuk pelajar membiasakan diri dengan latihan berkomunikasi sesama sendiri disamping mengingati perbendaharaan kata serta formula-formula yang berupa nahu dan saraf. Di UiTM, masa yang diperuntukkan sebelum ini ialah empat jam dalam seminggu. Walaupun ini kalau nak dikirakan tidak begitu mencukupi bagi mempelajari suatu bahasa asing tapi sekurang-kurangnya boleh memberi kesan yang agak memuaskan. Mulai tahun 2001, peruntukan masa telah dikurangkan separuh iaitu hanya dua jam dalam seminggu. Berdasarkan kepada pelajar-pelajar yang kebanyakannya tidak mempunyai asas bahasa Arab di sekolah menengah atau rendah, kita tidak akan dapat melahirkan jenerasi yang dapat menguasai bahasa Arab jauh sekali bertutur dengan baik.

2.7.1.3 Peruntukkan Alat Bantu Mengajar.

Kalau kita perhatikan di pusat-pusat atau kelas mengajar bahasa kedua atau ketiga, kejayaan di capai mesti dengan menggunakan pelbagai alat bantu mengajar seperti audio lingua, kaset, video, gambar dan sebagainya. Tanpa alat-alat bantu mengajar,

amat sukar bagi pengajar untuk memberi gambaran secara lebih jelas kepada pelajar tentang objek-objek atau situasi yang hendak disampaikan. Alat-alat bantu mengajar seperti gambar, tape dan video merupakan instrumen yang amat berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau ketiga terutama dalam pendekatan komunikasi yang sangat kurang menggunakan bahasa ibunda di sepanjang pembelajaran dan pengajaran. Dengan bantuan alat bantu mengajar, pelajar akan merasakan seolah-olah dia sedang berada dalam situasi sebenar kerana objek-objek atau topik yang dipelajari dapat dilihat atau disentuh.

2.7.1.4 Bilangan Pelajar Dalam Satu Bilik Darjah.

“Kelas seharusnya boleh diuruskan tidak lebih dari 20-25 orang. Mereka hendaklah diajar dalam satu kelas yang khas, jauh dari kebisingan” (Karl bruel.1913)

Di UiTM, biasanya dalam satu kelas bahasa Arab bilangan pelajar akan melebihi tiga puluh orang. Ini akan menyukarkan pengajar untuk memberi perhatian dan memahami masalah pelajar yang agak lemah. Bilangan pelajar yang terlalu ramai juga tidak dapat memberi kesan yang baik dalam latihan pertuturan.

2.7.2 Masalah Dalaman

Permasalahan dalaman ini merupakan permasalahan pokok yang harus kita kaji dan berusaha untuk mencari suatu pendekatan yang paling sesuai dan menarik untuk mengatasi masalah dalaman yang selalunya dihadapi oleh pelajar terutama nya pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab.

Pensyarah atau guru bahasa yang mengajar tidak boleh mendabik dada dan bermegah dengan ilmu yang mereka miliki selagi pelajar yang mereka ajar masih dibelenggu dengan masalah dalaman seperti, rasa takut dan malu untuk mencuba berkomunikasi dalam bahasa Arab, malu untuk bertanya dan lemah dalam pembacaan dan penulisan

bahasa Arab, kerana kejayaan seorang guru itu diukur dari kecemerlangan murid-muridnya. Sebagai bahasa asing di UiTM, bahasa Arab yang bersaing dengan bahasa-bahasa lain seperti Mandarin, Perancis, Jerman dan lain-lain akan hanya mendapat sambutan bagi pelajar-pelajar yang betul-betul berminat untuk mencubanya. Di antara masalah-masal dalaman yang akan dibincangkan ialah:

2.7.2.1 Kemahiran Mendengar

Kemahiran Mendengar merupakan salah satu kemahiran yang paling asas yang patut diajar dalam pengajaran bahasa asing. (Abdul Rahman Musa Abkar 1991). Pengajar perlu memastikan ujaran yang didengar oleh pelajar adalah terang dan nyata. Ini adalah penting kerana Pelajar yang gagal menguasai kemahiran ini akan gagal dalam bertutur, menulis dan membaca. Dalam pembelajaran bahasa Arab, biasanya pelajar didapati sukar untuk membezakan huruf-huruf Arab samada huruf konsonan mahupun huruf vokal semasa mereka mendengar sebutan sesuatu perkataan khususnya di peringkat permulaan pembelajaran. Ini berlaku kepada pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab. Mereka tidak mampu untuk membezakan *makhraj* (مَخْرَج) sesuatu huruf dengan tepat, seperti huruf : (ط) *ta* sering dianggap (ت) *ta* dan huruf (س) *sa* selalu bertukar dengan huruf (س) *sa*, (ش) *sya* dan (ث) *tha*.

Kelemahan ini adalah disebabkan dalam bahasa ibunda, kosa kata-kosa katanya adalah paling ringkas samada dari segi sebutan mahupun tulisan dan tidak berubah mengikut ayat kecuali kosa kata itu dipinjam dari bahasa asing seperti bahasa Arab, Inggeris, Belanda, Jepun, Mandrin dan lain-lain. Pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab akan menghadapi masalah dalam membezakan huruf sesuatu perkataan yang didengar.

2.7.2.2 Kemahiran Membaca

“Membaca adalah suatu proses yang kompleks yang memerlukan seseorang itu menguasai pelbagai subkemahiran yang berkaitan dengan asas-asas bacaan. Sebelum mempelajari kemahiran membaca, seseorang itu perlu menguasai kemahiran lisan terlebih dahulu kerana kemahiran ini melibatkan kebolehan menyebut bunyi-bunyi yang terdapat di dalam sesuatu bahasa”. (Raminah Hj. Sabran.1989)

Asas pembacaan bahasa Arab adalah pembacaan *Al-Quran*. Apabila seseorang itu dapat membaca *Al-Quran* dengan baik dan lancar, maka tidak terlalu sukar baginya untuk menguasai kemahiran pembacaan bahasa Arab, cuma perbezaan diantara *Al-Quran* dan bahasa Arab ialah “baris”, dimana *Al-Quran* mempunyai baris manakala teks-teks bahasa Arab biasanya tidak mempunyai baris. Masalah baris ini akan dapat diatasi dengan kebiasaan membaca, faham makna dan mengenali asas Nahu dan Saraf.

2.7.2.3 Kemahiran Pemahaman

Sepanjang pengalaman sebagai pensyarah di UiTM, penulis mendapati tahap pemahaman pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab masih lemah. Ini adalah kerana kebanyakan pelajar masih lagi terikat dengan kaedah terjemah yang digunakan dalam sistem lama di negara kita sejak turun temurun. Penulis tidak menafikan bahawa kita tidak dapat meninggalkan terus kaedah Nahu dan Terjemah kerana sebagaimana kita tahu , hampir kesemua pakar-pakar bahasa Arab yang ada pada hari ini lahir dari institusi pengajian yang menggunakan kaedah tersebut, Cuma memandangkan cara itu memerlukan jangka masa yang lama dan memerlukan latihan yang banyak untuk pelajar dapat menguasai bahasa Arab dengan baik, sedangkan masa yang diperuntukan di UiTM hanya dua jam dalam seminggu.

Setiap perkataan yang dipelajari akan di terjemah ke dalam bahasa ibunda samada ditulis di atas teks atau disalin kedalam buku catitan. Dengan cara ini, pelajar tidak akan dapat menyelami maksud yang sebenar dari perkataan yang dipelajari sedangkan sebagaimana kita tahu, bahasa Arab merupakan suatu bahasa yang sangat unik dan mempunyai makna yang dalam, berbanding bahasa Melayu yang masih tidak lengkap dan banyak meminjam kalimah-kalimah dari bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Arab, India, cina dan lain-lain.

Jika kita perhatikan dalam bahasa Arab, banyak perkataan-perkataan atau frasa yang yang tidak dapat diterjemahkan dengan tepat kerana bahasa Melayu masih kekurangan kalimah yang dapat menyamai kalimah tersebut, sebagai contoh:

(أَهْلًا وَسَهْلًا) kebiasaan kita akan terjemahkan ` selamat datang` dan ternyata ianya tidak tepat kerana kata ucapan itu mempunyai maknanya yang tersendiri.

2.7.2.4 Kemahiran Pengolahan Kosa kata.

“Perkataan ialah struktur asas yang membentuk frasa, klausa dan ayat. Biasanya, struktur ayat dimulakan dengan unit-unit perkataan terkecil dalam bahasa. (Haji Muhammad Bukhari Lubis.1998).

Di samping gagal untuk mengingati kosa kata dengan baik, sistem pengajaran yang sedia ada juga masih lemah untuk memberi kemahiran kepada pelajar dalam aspek penguasaan pengolahan kosa kata. Pelajar masih tidak mampu untuk mempelbagaikan penggunaan kosa kata yang telah mereka pelajari untuk digunakan dalam ayat-ayat yang mempunyai struktur yang berbeza.

Kosa kata bahasa Arab adalah jenis yang sentiasa berubah strukturnya mengikut jenis ayat tidak seperti kosa kata bahasa Melayu yang sentiasa tetap dan cuma ditambah dengan kata sendi sahaja. Kemahiran ini amat berkait rapat dengan aspek morfologi.

2.8 Kesimpulan

Bahasa Arab Komunikasi yang diperkenalkan di Malaysia, telah memberi minat kepada pelajar-pelajar di IPT khususnya di UiTM untuk mempelajarinya. Tak kurang juga pelajar-pelajar dewasa yang mengambil kursus bahasa ini secara sukarela. Ini adalah kerana pendekatan ini dianggap tidak memberi beban kepada pelajar untuk mempelajari dan menghafaz dalam masa yang panjang sebagaimana pendekatan atau kaedah lama yang diajar di masjid atau di pondok.

Kaedah Komunikasi juga sedikit sebanyak telah berjaya mengubah tanggapan masyarakat bahawa bahasa Arab ialah bahasa yang amat susah dan tidak menarik untuk dipelajari. Permintaan untuk kursus bahasa Arab kepada pelajar dewasa di UiTM (Kursus Kemahiran Bahasa) semakin meningkat dari masa ke semasa.

Walaupun begitu, masih banyak kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam sistem yang diamalkan dalam kaedah baru ini yang perlu dikaji semula dan dibuat perubahan demi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa al-Quran ini. Kelemahan-kelemahan seperti kekurangan alat bantu mengajar, masa yang diperuntukkan sangat terhad juga perlu di beri perhatian sewajarnya.